







## MSM labur RM500j untuk penggabungan, pengambilalihan

MOHD. FAUZI JAAFAR | 24 Februari 2016 12:58 AM

 Like 17  Share 12  Tweet 2  Google+ 0

DUBAI 23 Feb. – MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), pengeluar gula bertapis terbesar di Malaysia akan melakukan dua penggabungan dan pengambilalihan (M&A) dengan kos RM500 juta yang dijangka selesai pada separuh kedua tahun ini.



Sheikh Awab Abod

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, M&A itu membabitkan industri hulu dan pertengahan dalam memperkuatkan prospek perniagaan mereka pada masa depan.

Menurut beliau, syarikat tidak boleh lagi meluaskan operasinya di Malaysia disebabkan keupayaan dalam industri itu yang terhad.

“Kita dah tak boleh meluaskan lagi keupayaan di Malaysia. Pasaran kita sangat terhad.

“Kita juga sangat berhati-hati dalam pelaburan. Ini terutamanya apabila penggabungan ini membabitkan syarikat di Asia dan syarikat luar Asia,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar mengumumkan prestasi kewangan MSM untuk tahun berakhir 31 Disember 2015.

MSM mencatatkan keuntungan sebelum cukai mencecah rekod RM378 juta bagi tempoh itu berbanding RM344 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Hasil perolehan pula meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada RM663.97 juta berbanding RM628.07 juta pada suku keempat tahun kewangan sebelumnya.

Menurut Sheikh Awab, walaupun berhadapan dengan cabaran industri yang dinamik, khususnya pengukuhan mata wang dolar Amerika Syarikat dan ketidakpastian pasaran mata wang, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik sebanyak 64 peratus.

“Ketika pasaran gula dunia menunjukkan corak penurunan, kita telah berjaya mencapai prestasi yang kukuh.

“Ini didorong oleh inisiatif pengurangan kos secara berkumpulan yang membolehkan kami untuk memberi tumpuan kepada pengurusan operasi agar kekal berdaya saing,” jelas beliau.

MSM tegas beliau, berhasrat untuk mengukuhkan pasaran dan fokus kepada pelanggan.

Pasaran serantau yang memerlukan permintaan gula yang tinggi dan negara-negara membangun merupakan matlamat dalam usaha sama sinergi yang mampu meletakkan syarikat daripada arena serantau ke arah global, katanya. – UTUSAN